



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

25 Oktober 2004

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 6/2004

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PENDAFTARAN PENYEDIA LATIHAN DAN
PEMBAHARUAN PROGRAM LATIHAN YANG DILULUSKAN DI BAWAH SKIM
PROLUS SECARA ONLINE**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Penyedia Latihan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) berhubung dengan prosedur memperbaharui sijil pendaftaran penyedia latihan dan memperbaharui program latihan yang diluluskan di bawah Skim PROLUS secara online.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini, memperbaharui sijil pendaftaran penyedia latihan dan memperbaharui status program-program latihan di bawah Skim PROLUS dibuat secara manual. Dokumen-dokumen berkenaan perlu dihantar secara "hard-copy" oleh penyedia latihan sama ada melalui serahan tangan atau dihantar melalui pos / kurier dan kelemahannya adalah seperti berikut;

a) Tempoh PSMB menerima dokumen yang dihantar oleh Penyedia Latihan melalui pos mengambil masa di antara 3 hingga 7 hari dan ini melambatkan pemprosesan.

b) Kadangkala dokumen-dokumen yang dipos / kurier tidak diterima oleh PSMB.

- 2.2 Bagi memperbaharui dan mempercepatkan pemprosesan, PSMB akan melaksanakan sistem pembaharuan sijil pendaftaran penyedia latihan dan pembaharuan program latihan yang diluluskan di bawah Skim PROLUS secara online.

**3. PELAKSANAAN PEMBAHARUAN SIJIL PENDAFTARAN PENYEDIA
LATIHAN DAN PEMBAHARUAN PROGRAM LATIHAN DILULUSKAN
DI BAWAH SKIM PROLUS SECARA ONLINE**

- 3.1 Penyedia latihan perlu menggunakan internet kerana sistem ini hanya boleh dimasuk melalui laman web PSMB di alamat www@hrdnet.com.my
- 3.2 Semua Penyedia latihan yang mendaftar dengan PSMB sama ada kategori A, B atau C akan dibekalkan kata laluan yang dihantar bersama dengan pekeliling ini bagi membolehkannya memasuki menu utama yang memaparkan maklumat penyedia latihan seperti nama syarikat, nombor dan kategori pendaftaran, alamat berdaftar, tempoh sah laku sijil, nombor telefon, faks dan sebagainya. Sekiranya tidak diterima, pihak tuan boleh menghubungi Puan Siti Rogayah Binti Hamzah di talian 03-20984813 (rogayah@hrdnet.com.my).
- 3.3 Jadual mengenai maklumat skim-skim latihan yang dibenarkan ada dicatitkan pada Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan tersebut. Manakala maklumat terperinci mengenai setiap skim latihan tersebut ada disimpan dalam pangkalan data PSMB.

Langkah-langkah yang perlu diambil oleh penyedia latihan dalam membuat permohonan secara online adalah seperti berikut:

a) Bayaran yuran pemprosesan bagi memperbaharui Sijil Kelas A ialah RM1200, RM1000 bagi kelas B dan RM700 bagi kelas C. Manakala yuran pemprosesan bagi setiap cawangan untuk pendaftaran kelas A dan B ialah RM200. Di samping itu, jika lewat memperbaharui sijil antara 1 hari hingga 6 bulan, denda yang dikenakan ialah RM600 bagi kelas A, RM500 bagi kelas B dan RM350 bagi kelas C. Setiap satu cawangan yang lewat memperbaharui pendaftaran akan dikenakan denda sebanyak RM100. Amaun yuran pemprosesan ini perlu diberi perhatian bagi memudahkan penyedia latihan membuat pembayaran.

b) Penyedia latihan hendaklah membuat bayaran bagi yuran pemprosesan di mana-mana cawangan Public Bank. Untuk mengelakkan permohonan dipulangkan, sila buat bayaran mengikut amaun yang tepat seperti yang dinyatakan di para 3.3 (a).

c) Bayaran yang dibuat di mana-mana Cawangan Public Bank hendaklah atas nama Pembangunan Sumber Manusia Berhad-nombor akaun 3-99906000-3.

d) Selepas bayaran yuran pemprosesan dibuat, penyedia latihan boleh meneruskan pengisian borang online yang disediakan di laman web PSMB di alamat www@hrdnet.com.my. Cara pengisian dan panduan penggunaan secara online adalah seperti di [Lampiran A](#).

- 3.4 Dimaklumkan, Public Bank telah menetapkan bahawa bagi setiap transaksi pembayaran pembaharuan secara online, penyedia latihan akan dikenakan caj sebanyak RM2.00 dan bayaran ini hendaklah dibuat secara berasingan kepada bank dan jangan disekalikan dengan bayaran yuran pemprosesan yang dibayar kepada PSMB. Sebagai panduan, berikut adalah contoh transaksi:

Senario Bagi Jumlah Yuran Untuk Pembaharuan Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan Kelas A:

- a. Pembaharuan sijil Ibu Pejabat = RM1200
- b. Denda jika lewat memperbaharui sijil (3 bulan) = RM600
- c. Pembaharuan sijil bagi 5 Cawangan = RM1000
- d. Denda jika lewat memperbaharui sijil cawangan = RM500

=====
Jumlah = RM3,300
=====

**+ RM2.00 Caj Perkhidmatan Bank
hendaklah dibuat secara berasingan**

4. PEGAWAI-PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI

4.1 Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini, tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

a) En. Nor Azimin Bin Abd Razak
(Pembaharuan Sijil Pendaftaran Penyedia Latihan)
03-20984829
(azimin@hrdnet.com.my)

b) Pn. Siti Awarni Bt. Yaakop
(Pembaharuan Program Latihan Berstatus PROLUS)
03-20984831
(sitiawarni@hrdnet.com.my)

c) En Suran bin Hj Mohd Sham
(Pegawai Bertugas Bagi Sistem Online)
03-20984811
(suran@hrdnet.com.my)

d) Pn Siti Rogayah Bt Hamzah
(Pegawai Bertugas Bagi Sistem Online)
03-20984813
(rogayah@hrdnet.com.my)

5. PENUTUP

5.1 Adalah diharapkan dengan adanya proses pembaharuan sijil pendaftaran penyedia latihan dan pembaharuan program latihan yang diluluskan di bawah PROLUS secara online ini ianya akan memudahkan penyedia latihan berurusan dengan PSMB pada masa akan datang.

5.2 Pekeliling Penyedia Latihan Bil. 6/2004 ini berkuatkuasa mulai 1 November 2004.

Sekian, terima kasih.

**“PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN”
“BERSAMA SEIRING MENGHADAPI GLOBALISASI”**

Yang ikhlas,

(RUSNAN BIN SAMAT)
Timbalan Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

